

Sispa UMT perlu komited lahir organisasi mantap, dinamik

SH 16/3/09 PS-TS

MENGABANG TELIPOT – Anggota Siswa Siswi Pertahanan Awam (Sispa) Universiti Malaysia Terengganu (UMT) perlu komited membabitkan diri dalam sebarang aktiviti yang diadakan sebagai usaha melahirkan organisasi lebih mantap dan dinamik.

Naib Canselornya, Profesor Datuk Dr Sulaiman Md Yasin berkata, usaha itu perlu dilakukan secara berterusan seiring dengan hasrat kerajaan mahukan getengahkan pasukan beruniform sebagai salah satu aktiviti 'utama' (flagship) universiti pada masa akan datang.

"Sebagai badan beruniform yang terawal diwujudkan di UMT dan juga unit Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang pertama ditubuhkan di negara ini, seharusnya peluang itu dimanfaatkan dengan sebaiknya.

"Namun, saya yakin dengan kesungguhan dan penglibatan yang ditunjukkan anggota serta pegawai terbabit kerana ia jelas memperlihatkan mereka begitu



● Sulaiman (lima dari kiri) dan Abdul Halim (lima dari kanan) bergambar bersama penerima pemakaian pangkat serta pegawai kanan JPAM.

serius mahu berusaha menaikkan nama badan beruniform ini," katanya ketika berucap pada Majlis Pemakaian Pangkat dan Penyerahan Watakah Pelantikan Pegawai-pegawai Kehormat serta Bersekutu Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) kepada Pegawai-pe-

gawai dari UMT yang berlangsung di Dewan Persidangan Redang, Bangunan Canselori, di sini.

Majlis pemakaian pangkat berkenaan disempurnakan Ketua Pengarah JPAM, Leftenan Jeneral Datuk Abdul Halim Abdul Hamid dan beberapa pegawai kanan

yang lain.

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) Profesor Dr Aziz Deraman yang juga Komander Kor Sispa mengetuai senarai lima pegawai UMT yang menerima pemakaian pangkat sebagai Kolonel (PA) dan diikuti yang lain.

Sementara itu, Sulaiman amat berharap dengan adanya pemakaian pangkat dan kepimpinan baru itu nanti memberi semangat serta kekuatan untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti dan pengenalan kepada pelbagai aktiviti baru yang lain.